

IDENTITI KEISLAMAN DI PAHANG: NASKHAH-NASKHAH KEISLAMAN YANG DITEMUI DI TEMERLOH DAN KAITANNYA DENGAN TUK SHIHABUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN*

SHAFIE ABU BAKAR
Universiti Kebangsaan Malaysia

LATAR BELAKANG

Menanggapi negeri Pahang, amat jarang orang memperkatakannya dari sudut pengaruh keislaman, sebaliknya ia lebih ditonjoli dengan negeri kepahlawanan kerana dari segi tradisinya Pahang memang kaya dengan tokoh-tokoh pahlawan yang berjuang mempertahankan tanahair dari unsur penjajahan. Tetapi sebagai sebuah negeri Melayu tua – lebih tua dari Melaka (coedes: 1968: 183-184) dan sejajar menerima Islam dengan negeri-negeri Melayu yang lain, maka tidaklah dapat dinafikan wujudnya unsur-unsur keislaman dan tradisi intelektualnya. Bahkan berdasarkan Batu Nesan yang ditemui di Pekan, Pahang yang mencatat tarikh meninggalnya seorang Islam yang tertulis di dalam bahasa Arab bertarikh 419H bersamaan dengan 1028M. (Mohd. Mokhtar bin Shafii, 1980: 15) membuktikan bahawa sekurang-kurangnya sejak abad ke 5H./11M. dakwah Islam telah tiba di Pahang selari dengan bukti-bukti lain yang ditemui di Sumatera, Jawa dan Filipina. Dilihat dari sudut yang lain, kemungkinan Pahang juga mempunyai tradisi intelektual keislaman sejak zaman tradisi memang wajar, ini ialah kerana rapatnya hubungan – sekurang-kurangnya dari segi geografi dengan negeri-negeri yang terkenal dengan identiti keagamaan terutama Trengganu dan Kelantan, apalagi Pahang merupakan belahan dari Kerajaan Melaka yang menjadi pusat perkembangan Islam di Asia Tenggara secara umumnya dan Nusantara secara khususnya.

Dari satu segi yang lain kita dapati Pahang pernah ditakluk oleh Aceh pada tahun 1617, iaitu pada masa Aceh di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636). Di dalam peperangan yang membawa kepada penaklukan Pahang ini Putera Diraja Pahang, iaitu Raja Mughal bin Raja Ahmad beserta dengan lebih kurang sepuluh ribu orang rakyat Pahang telah ditawan dan dibawa ke Aceh untuk menambahkan lagi penduduk dan menjadikan mereka sebahagian dari tentera kerajaan yang gagah perkasa pada masa itu, (Buyong Adil, 1972: 61). Putera Diraja dari Pahang ini kemudiannya menjadi menantu kepada Sultan Iskandar Muda – (Suami kepada puterinya Safiyat al-Din Taj al-^cAlam). Dan anak raja yang berasal

*Makalah ini telah muatkan di dalam Cenderamata Majlis Memperingati Tokoh 'Ulama' Silam Yang ke VIII 1982/83, anjuran Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Pahang pada 16hb. Rejab, 1403 – 29hb. April, 1983 di UKM, Bangi, Selangor dan 8hb. Shaaban, 1403 – 21hb. Mei, 1983 di Dewan Tun Abdul Razak, Temerloh, Pahang.

dari Pahang ini kelak diangkat menjadi Sultan memerintah Aceh selepas meninggalnya Sultan Iskandar Muda dan bergelar Sultan Iskandar Thani (1636-1641).

Dalam masa hubungan Pahang dan Aceh inilah kita dapati seorang ^c*ulamā'* besar telah tiba di Pahang, beliau ialah Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī. Sebelumnya beliau telah pergi ke Aceh bagi kali pertama (Iskandar, 1964: 438), tetapi oleh kerana berlainan aliran, yang mana pemerintah Aceh pada masa itu mendukung aliran Wahdat al-Wujūd, sedangkan Shaykh Nūr al-Dīn adalah pendukung aliran Ithnayniyat al-Wujud (Hasymy, 1976: 2) dari aliran ahl al-Sunnah Wa al-Jamā^cah, maka Shaykh Nūr al-Dīn tidak mendapat tempat di Aceh. Sebab itu beliau telah menuju ke Tanah Melayu dan dijangka Pahanglah tempat pertama beliau bermastautin. Semasa di Pahang inilah dijangka beliau berkenalan dengan Raja Mughal dan keluarga Dirajanya. Semasa di Pahang inilah juga dijangka beliau mengarang kitab-kitab seperti *Širāṭ al-Mustaqīm* (1044H), *Durrat al-Farā'id* (1045H) dan *Hidāyat al-Habīb* (1045H). Dapatlah dijangka ajaran Sunnah bertambah kuat di Pahang dan pengaruh Shaykh Nūr al-Dīn bertapak kuat di kalangan pemerintah dan keluarga Dirajanya.

Jadi apabila Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam meninggal di Aceh dan takhta pemerintah diganti oleh menantunya, iaitu Raja Mughal, yang bergelar Sultan Iskandar Thani yang berasal dari Pahang, maka Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī yang mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan keluarga Diraja Pahang termasuk Sultan Iskandar Thani (Raja Mughal), secara tidak langsung sudah mendapat tempat berpaut. Lantaran sedemikian maka kita dapati Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī telah pergi ke Aceh sekali lagi (bagi kali keduanya) iaitu pada 6 Muharram 1047H/31 Mei, 1637, melalui perkenalan sebelumnya dengan pihak Sultan (Raja Mughal) dan keluarganya, beliau telah mendapat tempat di Istana Aceh dan menjawat kursi *Shaykh al-^cUlamā'* di istana Aceh. Dengan kedudukan inilah beliau telah menyerang aliran wujūdiyyah yang berkembang di Aceh yang dianggap menyeleweng itu (Naguib, 1966: 18). Kepada Sultan inilah beliau tujukan (atas permintaan baginda) salah sebuah karangannya yang terbesar – *Bustān al-Šalātīn* (1638) (Ibid: 14). (Jumlah karangannya yang diketahui judulnya 29 buah). Akibat dari serangan yang dibuat Nūr al-Dīn al-Rānīrī ini maka aliran Wujūdiyyah di Aceh telah dapat dilemahkan.

PENGARUH ACEH DI PAHANG

Melihat dari kekuasaan Aceh di Pahang sejak 1617 dan hubungan ini berterusan hinggalah seorang keluarga Diraja Pahang menjadi Sultan Aceh, maka sudah tentulah hubungan ini tidak terhad setakat perhubungan politik sahaja, tetapi mempengaruhi juga bidang budaya. Contohnya dapat dilihat kesannya di Kedah dan Perak – dua negeri diutara Semenanjung yang mempunyai pertalian rapat dengan Aceh. Keadaan ini juga berlaku di Pahang. Dilihat dari sudut pemikiran, maka didapati aliran Wujūdiyyah yang berkembang subur di Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda nampaknya juga turut menyerap bertapak di Pahang yang ditawannya (1617) pada zaman pemerintahan Sultan tersebut. Pengaruh ini dibawa langsung oleh penganut-penganut ajaran ini yang datang mengajar di Pahang atau di-

bawa balik oleh orang-orang Pahang sendiri yang pernah ditawan oleh angkatan tentera Sultan Iskandar Muda — yang jumlahnya begitu ramai sekali. Sebagai buktinya sungguhpun Shaykh Nūr al-Din pernah menyebarkan ajarannya di Pahang, dan melemahkan ajaran Wujūdiyyah di Aceh. Gejala ajaran tersebut masih berterusan — antaranya lebih bersifat bersembunyi-sembunyi seperti di Aceh (Hasymy, op. cit., hal. 5). kesan selanjutnya nampaknya juga berlaku di Pahang.

RISALAH-RISALAH PENGARUH ACEH

Lanjutan pengaruh ini terbukti umpamanya dengan terjumpanya di Pahang beberapa risalah yang kandungannya mempunyai unsur-unsur Shi'ah, Wujūdiyyah dan tempatan contohnya, risalah yang berjudul *Jawāb Mushkilāt fi Tahqīq al-I'tiqād* Karangan 'Abd al-Rahmān — yang membicarakan hakikat Allah dan Diri risalah *Sharāb al-Muntahī* yang membicarakan tentang tarikat *Dhikr al-Mawt* dan alamat-alamat berdasar-cahaya tertentu. Risalah mengenai konsep mengenal diri yang bertolak dari apa yang dikatakan Hadīth *من عرف نفسه فقد عرف ربه*. Risalah mengenai Zikir-Zikir yang dihubungkan dengan rahsia yang dikaitkan dengan hakikat Muhammad yang dihubungkan dengan asal ciptaan bermula dari roh, nur, akal qalam yang dihubungkan dengan mertabat tujuh.

Begitu juga Risalah — Fasal mengingatkan mati dengan bersungguh-sungguh mengamalkan pekerjaan yang baik yang dikaitkan dengan konsep mengenal diri. Demikian juga dengan fasal Rukun 13 sembahyang yang dikaitkan (seperti niat) dengan Tuhan *Wājib al-Wujūd*, Nūr Muhammad atau *A'cyān Thābitah*. Juga fasal takwilan *al-hamd* dengan waktu sembahyang berdasarkan huruf yang jelas mencerminkan pengaruh Shi'ah (Kāmil Muṣṭafā al-Shaybī, 1386/1966: 179-185).

Di dalam risalah berbentuk prosa ini yang ditemui di Pahang (Temerloh) juga terdapat risalah yang berjudul *Mir'āt al-Haq* — Judul karangan ini agak dekat dengan sebuah judul karangan Syaikh Shamsuddin al-Sumatrani yang diberi judul *Mir'āt al-Haqīqah* dan sebuah lagi *Mir'āt al-Muḥaqqiqīn* (A. Hasymy, 1976: 13). *Mir'āt al-Haq* adalah membicarakan tentang mertabat hati dan Risalah mengenai makrifat dan mengenal diri — yang hampir seperti tajuk yang disebutkan di atas. Seterusnya risalah mengenai Insan dan juga kitab cermin yang sebenarnya (*Mir'āt al-Haqīqah* — karangan Syaikh Shamsuddin) mengenai Tauhid dan *Ma'rifat* dan Risalah *Uṣūl al-Tahqīq* Risalah-risalah ini disalin oleh Tuan Haji Sulaiman. (Risalah-Risalah Dari Pahang: Tanpa tarikh).

Jika dikaji dari kandungan risalah-risalah di atas, amat berlainan dari pendekatan Sunnah baik dari aliran Tasawuf, Usul dan Fekahnya, sebaliknya bukan saja berunsur Shi'ah dan Wahdat al-Wujūd sebagaimana disebutkan bahkan bersifat khurafat yang dicampur-baurkan dengan unsur-unsur tempatan. Kandungan risalah-risalah ini ada kemiripan dengan risalah-risalah dari Aceh yang dihimpun oleh Marsden No. 11648 di Perpustakaan School of Oriental and African Studies — yang dikaji oleh A.H. Johns (Johns, 1957, I-III). Penulis juga dapati risalah-risalah berjudul *A'cyān Thābitah*, *Sakrat*, *Tanya Jawab Sayyidina Ali dengan Rasulullah* dan *Uṣūl al-Tahqīq* yang kandungan seperti kandungan risalah di atas terdapat juga di Trengganu yang penulis berpendapat berasal dari pengaruh Shi'ah dan Wahdat al-Wujūd yang sum-

ber perkembangannya berlaku di Aceh. (Shafie: 1976: 221-225 dan 480-481).

Dengan bukti-bukti dari keterangan di atas, jelas menunjukkan bahawa pengaruh pengajian terutamanya mistik Wujūdīyah dan yang berunsur Parsi — jelas tiba di Pahang melalui kekuasaan Aceh ke atas Pahang dan pengajaran-pengajaran para pengajar dari sana.

LANJUTAN PENGARUH WUJŪDĪYAH

Sebagaimana termaklum, aliran Wujūdīyah yang berkembang subur di Aceh pada akhir abad ke-16 hingga 1/3 pertama abad 17 adalah disokong oleh pemerintah Aceh dan wujudnya ^c*ulamā'* yang berpengaruh pada masa itu seperti Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatrani, sebagaimana telah disentuh. Dengan kehadiran Syekh Nūr al-Dīn al-Rānirī, beliau telah menyanggah aliran Wujūdīyah dengan membuktikan penyelewengannya di samping mendapat sokongan pula dari pemerintah pada masa itu iaitu Sultan Iskandar Thānī (1636-1641). Sungguhpun dengan kegigihan Nūr al-Dīn al-Rānirī dan pengikut-pengikutnya dapat memalapkan aliran ini, tetapi, pengikut-pengikut aliran Wujūdīyah tidak dapat dibasmikan 100%, malah secara diam-diam pengikutnya wujud secara berterusan. Dan setengahnya mengikutnya tanpa pedoman yang dipanggil sebagai 'salik buta' (Hasymy, 1976: 5).

Di Pahang, salah sebuah negeri yang pernah ditakluki Aceh, kelihatan wujudnya pengaruh yang bertalian dengan aliran Waḥdat al-Wujūd dan Shi'ah yang bercampur-baur dengan unsur-unsur tempatan, meskipun dijangka pengaruh Shaykh Nūr al-Dīn telah mendapat tempat di Pahang sebelum ianya mendapat tempat di Aceh.

Bahkan hingga awal abad ke-18 perlanjutan dari apa yang berkembang di Aceh dari aliran mistik yang disifatkan sebagai salik buta itu wujud di Pahang khususnya di Daerah Temerloh. Seorang tokoh yang berkenaan yang digelar sebagai 'Datuk Mengkarak' — namanya dinisbah kepada nama tempat tinggalnya. Mengkarak sebuah pekan kecil — lebih kurang 5 batu dari Temerloh ke Teriang — Seremban. Dikatakan beliau telah mengajar aliran Waḥdat al-Wujūd di Pahang khususnya di Temerloh. Aliran ini dibawa dari Sumatera, kerana beliau adalah dari Minangkabau yang rapat hubungannya dengan Aceh.

Keadaan ini adalah menasabah dengan kenyataan sejarah yang menunjukkan bahawa pada masa berlakunya kekecohan antara Raja Kecil di Riau dengan Sultan Abdul Jalil Pahang (1720) ia banyak membawa orang Minangkabau selaku tenteranya di Pahang (Buyong Adil, 1972: 79-80).

Kemungkinan Datuk Mengkarak dari kalangan mereka yang didatangkan tersebut, atau mungkin juga dari kalangan yang datang bersama-sama tentera Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Aceh dahulu atau memang dari kalangan turunan orang Pahang asal yang telah disebutkan.

Apa yang hendak ditekankan di sini bahawa Datuk Mengkarak telah menyebarkan pengajaran yang berunsurkan Waḥdat al-Wujūd di Pahang, khususnya di Temerloh. Dikatakan pengikut-pengikutnya terus wujud hingga kini, khususnya di kalangan keturunannya. Kitab-kitab ajarannya terus diwariskan hingga kini. Namun begitu

tidak dapat dibuat kepastian, apakah karangan-karangan yang dipelajari itu merupakan hasil karangannya sendiri atau digunakan karangan-karangan yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang yang lain dari aliran Wahdat al-Wujūd atau lanjutan darinya. Ini ialah kerana pengajaran yang dibuat tidak secara terbuka, sebaliknya secara rahsia — di kalangan pengikut-pengikutnya sahaja. Mereka tidak memberi kerjasama kepada penyelidik-penyelidik dan mereka yang di luar dari golongannya, kerana mereka takut diintip oleh pihak berwajib yang menganggap ajaran mereka sebagai 'menyeleweng' atau dikatakan sebagai 'ilmu salah' yang boleh membawa kepada penangkapan mereka itu. Sebab itu percubaan-percubaan untuk mendapat maklumat dari mereka gagal oleh kerana tidak ada respond dari mereka.

Akan tetapi dengan terjumpanya risalah-risalah dari Daerah Temerloh, Pahang sebagaimana telah disentuh yang membawa persoalan-persoalan yang mencerminkan pengaruh Shi'ah — Wahdat al-Wujūd dan bercampur-baur dengan unsur khurafat yang bersifat tempatan itu, menunjukkan bahawa karya-karya yang sedemikianlah yang dipelajari oleh pengikut-pengikut di atas. Pengajian yang sedemikian yang lebih melihat kepada kebatinan yang merenggangkan soal-soal syariat di satu pihak dan meningkatkan diri kepada hakikat yang Mahakuasa adalah mengarah kepada penyelewengan yang setengahnya disifatkan sebagai *zindīq* dan *mulhīd*.

Mengenai pengajaran Datuk Mengkarak ini beberapa penduduk tempatan yang mengetahui tentang tokoh tersebut antaranya seperti Tuan Guru Haji Abdullah (70 tahun) yang pernah membuka Pondok Pengajian di Bukit Keledang — kini di bawah kelolaan menantunya. Tuan guru ini yang juga membuka Madrasah Dar al-Huda, Padang Luas, Teriang Pahang berpendapat, menurut maklumat yang diketahuinya bahawa memanglah dikatakan bahawa pengajaran Datuk Mengkarak itu menyeleweng.

TUK SHIHABUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN

Kalau kita melihat pada apa yang berlaku di Aceh, bahawa pengaruh aliran Wujūdīyyah yang berkembang subur terutamanya pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda, akhirnya ditentang oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī sehingga malapnya aliran itu. Keadaan yang sama, walaupun secara kecilan, nampaknya berlaku di Pahang — khususnya di Temerloh. Ajaran Wujūdīyyah yang disebar oleh Datuk Mengkarak — yang dianggap menyeleweng itu ditentang oleh seorang *'ulamā'* yang digolongkan sebagai penyebar ajaran *Sunnah*. Beliau adalah dikenali dengan Tuk Shihabuddin bin Zainal Abidin yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Datuk Mengkarak sendiri.

Sebagaimana yang dapat difahami dari syair *'Ashiqīn* berikut:

Asal Pahang empat saudara
 Di Pulau Datuk seorang di Bara
 Daerah Mengkarak saudara yang tuha
 Yang di Chenor moyang Tuk Raja

(hal. 27)

Difahami dari syair di atas Datuk Mengkarak adalah saudaranya yang tua. Dari syair *Ghafilah* terdapat namanya iaitu Nūr Qadīm yang juga mengatakannya sebagai saudara tua bagi Tuk Shihabuddin:

Kemudiannya itu Imam Nūr Qadīm
 Anak yang tuha lagipun *halīm*
 Martabatnya besar terlalu *rahīm*
 Seisi Pahang tawakkal dan *salīm*

(hal. 10)

LATAR TUK SHIHABUDDIN

Latar belakang tokoh berkenaan agak kabur, oleh kerana zamannya telah begitu jauh berlalu. Ia dikatakan lahir pada 1141H./1728M. dan hidup dalam jangka masa yang agak lanjut iaitu lebih kurang seabad lamanya. Dalam sebuah catatan di dalam buku Tuan Teh menunjukkan dalam tahun 1796 beliau masih hidup. Asal usulnya juga dikatakan berasal dari Minangkabau seperti Datuk Mengkarak yang diperkatakan di atas. Beliau dikatakan pernah mendapat pendidikan di Tanah Jawa. Agak menarik berhubung dengan 'belajar di Jawa' ini seorang *'ulamā'* yang hidup hingga suku terawal abad ke 18 ini, iaitu Syekh Abdul Malik bin Abdullah yang dikenali dengan Tuk Pulau Manis, juga mendapat pendidikan di Pulau Jawa sebelum menyambungkan pengajian di Mekah, selain daripada itu hubungan intelektual antara Pahang dengan Terengganu juga wujud pada zaman hidupnya Syekh Abdul Malik bin Abdullah. Menurut sumber tertentu mengatakan seorang pelajar dari Pahang pernah menjelajah ke Terengganu hingga ke Kelantan mencari guru-guru yang mursyid bertanyakan masalah-masalah keagamaan. Antara persoalan-persoalan itu pernah dikemukakan kepada Syekh Abdul Malik (Tuk Pulau Manis). Menurut cerita lisan pula dikatakan Syekh Abdul Malik juga pernah mengajar di Pahang.

Dari kenyataan di atas, sekurang-kurang menjelaskan bahawa pada masa tersebut tradisi pengajian yang bersifat intelektual telah wujud di Pahang. Tradisi inilah yang melahirkan ketokohan Tuk Shihabuddin bin Zainal Abidin bergelar Imam yang mengajar dan menghasilkan penulisan-penulisan. Selanjutnya diteruskan oleh anaknya Tuan Teh yang menghasilkan karangan yang berjudul *Rawdat al-Jinān* yang kemudiannya pernah dicetak pada tahun 1308H.

Tuk Shihabuddin bin Zainal Abidin adalah *'ulamā'* yang mendalam di dalam ilmu-ilmu keagamaan dan juga sastera.

Di dalam pengajarannya untuk menyebarkan pengetahuan keislaman beliau telah menghasilkan beberapa buah karangan untuk panduan pengikut-pengikutnya. Beliau telah memilih bentuk puisi di dalam menurunkan pengajaran-pengajarannya. Mengenai pemilihan bentuk puisi ini sebenarnya tidaklah sesuatu yang asing bagi pengarang-pengarang Islam. Ini ialah kerana puisi (syair) selalunya digandingkan dengan karangan prosa. Biasanya bentuk puisi ini dijadikan matan sebagai intisari kandungan sesebuah karangan. Contohnya seperti matan *al-Fiyah* untuk Nahu, matan *Jawharah* untuk usuluddin dan matan *al-Sullam* untuk Mantiq. Pelajar-pelejarinya mempelajari ilmu yang berhubung dengan puisi ini secara formal seperti

ilmu *Aruḍ* serta *Qafīyah* dan ilmu *Balāghah* (Shafie, 1977: 572). Dalam Islam seni diterima sebagai salah satu manifestasi kebesaran Allah, namun begitu dibandingkan dengan ilmu adalah lebih tinggi martabatnya dari seni, seni datang untuk menyempurnakan ilmu, di dalam konteks di atas seni adalah berfungsi sebagai pelengkap dan hiasan yang menarik pelajar untuk menjiwai ilmu. Bukan seni semata-mata seni.

Di dalam konteks di atas kita dapat memahami setengah penulis Islam memilih puisi di dalam menurunkan perutusan/pengajaran. Di samping itu dengan penulisan yang berbentuk puisi selain ia ringkas dan padat, ia mudah untuk diingati.

KARANGAN-KARANGAN YANG DIKAITKAN DENGAN TUK SHIHABUDDIN

Berhubung dengan Tuk Shihabuddin bin Zainal Abidin dari kajian yang didapati, beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya lima buah puisi iaitu:—

1. Syair *‘Āshiqīn*
2. Syair Burung
3. Syair Usul
4. Syair *Ghāfilah*
5. Syair Sifat Dua Puluh

Di samping puisi-puisi di atas turut diketemui puisi-puisi yang dijangka pada asalnya dari karangannya tetapi kemudian diragukan, iaitu syair Mekah dan Madinah dan Syair Kiamat.

Berhubung dengan syair Mekah dan Madinah menurut Prof. Dr. Teuku Iskandar yang telah menyampaikan ceramahnya di Jabatan Persuratan Melayu pada 24/11/1982, Syair Mekah dan Madinah — disebut juga sebagai Syair Haji atau Syair Rukun Haji adalah dihasilkan oleh Sheikh Daud Sunur di Terumun Sumatera. Termasuk di dalam kesusasteraan Pelembang selepas abad 18M. Beliau dikatakan bertelingkah dengan kawannya di Sunur, lantas meninggalkan kampung halamannya menuju ke Aceh. Beliau dikatakan pernah dijemput pulang, tetapi keciwa melihat anaknya di kampung berkahwin dengan pihak seterunya lantas beliau merantau lagi. Dalam masa merantau inilah beliau menghasilkan syair-syairnya antaranya syair yang juga dikenali dengan Sunur ini (syair Mekah dan Madinah) yang dihasilkan di Terumun yang mana di sini beliau mengajar, beristeri lagi dan berkeluarga. Syair di atas dihasilkan di hujung hayatnya sebelum ia meninggal. Syair ini dikatakan panjangnya lebih kurang tujuh puluh halaman. Kandungannya berkait dengan gambaran tentang perjalanan dari Aceh ke Mekah, persediaan yang perlu untuk menunaikan haji, gambaran tentang Mekah dan Madinah dan perkara-perkara yang boleh dipelajari di Mekah. Dibandingkan dengan syair yang ditemui di Pahang ada kesamaan dengan apa yang diperkatakan di atas misalnya — tebalnya adalah sebanyak 70 halaman. Gambaran di dalamnya menunjukkan yang pengarangnya seorang pengembara yang mana latar ini sebenarnya — sepanjang diketahui, bukanlah latar Tuk Shihabuddin.

Contoh syair:

Inilah nazam *faqīr* yang *gharīb*
 Duka Percintaan dibawa nasib
 Di atas dunia di bawah dapat
 Menaruh tanggungan yang sakit amat
 Jikalau ada khilap dan sesat
 Janganlah apa dagang diumpat

(hal. 1-2)

Dan kandungannya mencerminkan apa yang diperkatakan di atas. Pelayaran pun bermula dari Aceh.

Contoh:

Dengarlaholeh segala taulan
 Mekah Madinah aku nazamkan
 Barang yang mudah aku suratkan
 Supaya berahi orang beriman
 Tiga bulan dari Aceh lebih dan kurang
 pelayaran kapal lalu menyeberang
 Bertiuip angin dari belakang
 sampai ke (Judah laut?) yang tenang
 Tiba di Judah tuan (Se saat?)
 Di situ sampai turun ke darat

Demikian juga terdapat gambaran sebelum menunaikan fardu Haji, kata pengarangnya:

Dua malam tuan sudah di Judah
 Hendak (berbangkit?) pula ke Mekah
 Disewa unta mana yang mudah
 Kecil sedikit daripada gajah
 Di Judah itu tuan *ihram*
 Kita disunan itulah maqam
 Pakajian putih bukannya hitam
 Baju dan *sirwāl* kufiah haram
 Semalam dijalan meninggalkan Judah
 Berhenti di sana turun sebentar
 Bumi (yang?) tanahnya datar
 Berjalanlah pula waktu asal
 Semalam lagi sampai ke Mekah
 Singgah sekejap (p) naik ke rumah
 Kemudian tawaf langgar Ka bah
 Sa^cī bercukur tahlil sudah

(hal. 3)

Apa yang disebut bahawa terdapat di dalam syair Mekah Madinah gambaran tentang bandar Mekah, juga terdapat di dalam syair tersebut istimewa yang berkait

dengan Masjid al-Ḥarām. Contoh:

Dengar olehmu handai dan Taulan
 Masjid al-Ḥarām aku khabarkan
 Buatan halus bukan (rencing?)
 Mata memandang kepala pening
 Setengah yang bulat rupanya licin
 Halus berkilat bagai cermin
 Ketika panas dipandang lain
 Bagai (bayang?) ditiup angin
 Tiangnya besar aku mithalkan
 Ada umpama batang durian
 Batu berturab pesegi dulapan
 Kuning dan hijau merah (disinan?)
 Hiranlah tuan mata memandang
 Tiangnya banyak sukar membilang
 Tiga yang bulat satu yang gedang
 Berbanjar-banjar selang menyelang

(hal. 3-4)

Selain daripada itu memang terdapat juga di dalamnya gambaran berkenaan Madinah sebagaimana berikut:

Sekarang pula khabar Madinah
 Negeri yang dua dilebihkan Allah
 Dua belas malam jauh di Mekah
 Perjalanan itu jamal yang indah
 Sampai ke Bi'r Ali kaum kafilah
 Tampak mahayup kampung Madinah
 Wah sahabat hendaklah dengar
 Negeri Madinah sangat *mu^ctabar*
 Bukannya bukit tanahnya datar
 Di tengah *qubbah sayyid al-bashar*
 Siapa tuan mau bertanya
 Negeri Madinah betapa rupanya
 Dualapis tuan kota batunya
 Waris nabi mula dahulunya
 Pada kota itu pintu empat
 Keluar masuk di sana umat
 Mula pertama bah al-Jumā^cah
 Jalan ke Baqi'namanya tempat
 Pintu yang kedua nama bab al-Masir
 Tempat orang masuk bagai air hilir
 Yang ketiga namanya pintu bab al-Saghir
 Keempat bab Salam yang *kabīr*

(hal. 59)

Di samping itu disebut juga tentang keilmuan-keilmuan yang harus dipelajari dan ilmu yang tidak sayogia dipelajari.

Pokok syairnya menumpukan pada soal pelayaran dari Aceh ke Judah, gambaran Mekah khususnya – Masjid al-Haram, keterangan dan gambaran yang dilakukan oleh orang-orang yang menunaikan rukun Haji gambaran Madinah, khususnya masjid Nabi di Madinah, maqam baginda Rasulullah keluarga dan sahabat-sahabat serta maqam tokoh-tokoh Islam yang terkenal yang terletak di luar bandar Madinah.

Penulis berpendapat syair ini bersamaan dengan syair yang dihasilkan oleh Syekh Daud Sunu sebagaimana yang disebut oleh Prof. Dr. Tenku Iskandar Ali Basyah yang ciri-cirinya telah disentuh di atas. Jelasnya syair ini bukanlah hasil karangan Tuk Shihabuddin bin Zainal Abidin, sedangkan tokoh ini tidak bergelar haji.

Syair yang dibicarakan ini disurat (disalin?) oleh seorang penyurat (penyalin?) yang namanya dikenal sebagai Encik Busu – bertarikh 1281H/1864. Tambahan akhir pada syair ini terasa kejanggalan bahasanya menunjukkan ianya adalah dari bahasa penyalinnya.

Syair ini tamat berlaku
 Kepada hari Yawm al-Sabt
 Menyurat dia budak yang dungu
 Empunya dia Encik Busu
 Surat ini kepada hijrat
 Seribu dua ratus pada pengingat
 Lapan puluh satu kata arif yang keramat
 Jikalau tak salah pada penglihat

(hal. 70)

Risalah ini pula dimiliki oleh keturunan Tuk Shihabuddin berdasarkan catatan luarnya: iaitu Maimunah bt. Haji Idris bin Musa bin *Qādi* Nong bin Shihabuddin dari kampung Berhala Gantang, Temerloh, Pahang.

Berhubung dengan Syair Kiamat, syair ini sebenarnya telah pernah diterbitkan dan tidak dapat dipastikan pengarangnya (Edrus, 1961:199-201) sebagaimana juga tidak dapat dipastikan dengan syair-syair *Ma^crifah* dan Alam Tasawwuf, Syair Mistik dan Tauhid, Syair Unggas Bersoal Ilmu Akhirat, Syair Dalam Kubur dan lain-lain. (Mohd. Nor Ngah: Ismail Hamid, 1979:136). Ianya dijangka bukan dari karangan Tuk Shihabuddin lebih-lebih bahasanya jauh berbeda dari syair-syairnya yang sudah dikenalpasti. Syair Kiamat ini dijangka disalin sebagaimana tersalinnya syair Mekah dan Madinah oleh penyalin-penyalin dari Temerloh seperti En. Busu dan lain-lain dan termasuk di dalam koleksi seperti Cik Maimunah dan Keturunan yang mewarisinya.

PEMBICARAAN TENTANG NASKHAH-NASKHAH KARANGAN TUK SHIHABUDDIN

Puisi-puisi berbentuk syair Tuk Shihabuddin bin Zainal Abidin yang dibuat kajian, bukanlah merupakan naskhah asal yang ditulis oleh Tuk Shihabuddin tetapi adalah

salinan dari karangan asalnya. Sebuah dari lima buah syairnya adalah disalin oleh seorang penyalin iaitu cicitnya. Pemilik bagi naskhah tersebut yang diwarisi oleh keturunan berikutnya di Berhala Gantang, di Temerloh Pahang, naskhah tersebut ialah syair ^o*Āshiqīn* in terbukti dari dua *bayt* terakhir dari syair tersebut.

Tamatalah sudah Syair ^o*Āshiqīn*
Bahasa Melayu di bawah angin
Karangan oleh Tuk Imam Budin
Cicit yang *da^oif* empunya salin.

Kalau kita melihat pada galur keturunannya — tertibnya sedemikian:—

Shihabuddin bin Zainal Abidin
↓
Qādī Nong
↓
Musa
↓
Haji Idrus
↓
Maimunah

maka yang dimaksudkan penyalinnya (cicit) ialah Haji Idris, tetapi penyalin sebenarnya ialah Maimunah bt. Haji Idris (cicit lapisan kedua) sebagaimana tercatat pada halaman permulaan Syair ^o*Āshiqīn* disalin oleh penyalinnya dengan tulisan Jawi secara elok bersih dan terang di atas halaman kertas tanpa garis berukuran 170 mm x 107 mm bagi sehalaman. Kesemuanya setebal 30 halaman. Setiap halaman termasuklah halaman permulaan dan pengakhirannya mengandungi 16 *bayt* syair. Ini bererti syair ^o*Āshiqīn* terdiri dari 30 x 16 = 480 *bayt* semuanya. Tidak terdapat sebarang hiasan tertentu pada halamannya. Tulisan-tulisan berada di dalam ruang yang digaris 4 segi panjang 130 mm x 75 mm satu garis, manakala di tengahnya diberi ruang pemisahan bagi 1/2 *bayt* kiri kanan dengan dua garis yang lebarnya antara 3 hingga 4 mm.

Manakala Syair Burung disalin oleh penyalin yang berlainan dan dijangka lebih baharu penyalinannya dari Syair ^o*Āshiqīn*, tetapi tarikh penyalinannya terdapat pada akhir syair ini:

Syair burung sudahlah tamat
Sahaya menyurat tiada cermat
Kerana nafsu tiada berhemat
Kemudainnya faham sahaja tak sempat
Tamat kepada hari Jumaat
Dekat zohor dekat dengan tepat
Kepada Hijrah Nabi nisab
Seribu tiga ratus lima puluh empat

(hal. 36)

Ini bererti risalah ini disalin dalam tahun 1354H.

Di dalam risalah ini tidak terdapat sebarang catatan mengenai penyalinannya. Berdasarkan bentuk tulisannya yang berlainan sebahagian besar tulisanya tegak bersih dan jelas manakala 7 halaman daripadanya bertulisan condong ke kanan dijangka disalin oleh lebih seorang penyalin (ditolong salin oleh penyalin yang lain).

Format penyalinan risalah ini hampir bersamaan dengan format syair ^o*Āshiqīn*. Ianya ditulis di atas halaman kertas berukuran 170 mm x 106 mm. Tebalnya sebanyak 36 halaman. Setiap halamannya mengandungi 16 *bayt* syair kecuali halaman 19 hanya 14 *bayt*, halaman 20 sebanyak 12 *bayt* halaman 27 sebanyak 15 *bayt*, halaman 33 sebanyak 14 *bayt*, halaman 34 sebanyak 18 *bayt* dan halaman terakhir – 36 sebanyak 8 *bayt*. Ini bermakna syair Burung ini terdiri dari:

$$\begin{array}{rcl} 36h-6 & = & 30 \times 16 & = & 480 \text{ bayt} \\ 6 \text{ hal. lain} & & & = & 81 \text{ bayt} \end{array}$$

Jadi jumlah semuanya sebanyak 561 bayt

Sebagaimana Syair ^o*Āshiqīn*, penyalinan Syair burung ini juga tidak diberi hiasan pada halaman-halaman, dan tidak diberi garis-garis tepi sebagaimana pada syair ^o*Āshiqīn*. Ini ialah kerana kertas itu telah ada garis-garis, namun begitu di bahagian tengahnya dibuat garis perenggan untuk 1/2 bahagian *bayt-bayt-nya* yang lebarnya lebih kurang 5 mm.

Adapun syair-syair yang lain iaitu Syair *Uṣūl*, Syair *Ghāfilah* dan Syair Sifat 20 disekalikan penyalinannya secara berturut-turut cuma antara satu syair dengan syair berikutnya dikosongkan antara 1 hingga 3 baris. Syair-syair ini ditulis di atas kertas, bergaris lebih kurang berukuran 203 mm x 163 mm yang sudah sedia bergaris. Kesemuanya setebal 24 halaman. Di penghujung syair-syair ini terdapat 2 halaman Syair Tumbuh-Tumbuhan, Syair Nasihat tentang Ajal dan Mati yang dihubungkan dengan Syair Pelita Hati 3 halaman. Syair Pelita Hati ini mungkin dipetik dari kitab *Miftah al-Murid fi'Ilm al-Tawhīd* karangan Syekh Zainal Abidin bin Muhammad al-Patani (Zainal Abidin Patani, 1344H: 15-16). Dan diakhirnya disambung dengan sebuah risalah *nathar* – yang berhubung dengan Usuluddin yang tidak diberi judul, ianya setebal 13 halaman. Penyalinan kumpulan syair-syair di atas dan juga *nathar* adalah dibuat oleh seorang penyalin. Tulisannya kasar-kasar dan agak kurang elok, memenuhi permukaan kertas tanpa garis tepi atau tengah, namun begitu ianya tidak sukar untuk dibaca. Pada akhir penyalinan syair-syair yang diperkatakan terdapat sedikit maklumat berhubung dengan tempat tersalinnya syair ini iaitu di Kampong Sanggang:

Tamatlah syair di Kampung Sanggang
 Hari Selasa sudahlah petang
 Kertas putih dakwat pun hitam
 Jadi yang tiga memegang kalam
 Sudah ditulis hari pun petang
 Pukul empat tengok jam.

Berhubung dengan syair yang diperkatakan *bayt-bayt-nya* adalah seperti berikut (umumnya setiap halaman 22 *bayt* tetapi ada jua yang jumlahnya 21 dan 20 *bayt*).

Syair <i>Uṣūl</i>	—	166 <i>bayt</i>
Syair <i>Ghāfilah</i>	—	320 <i>bayt</i>
Syair Sifat 20	—	16 <i>bayt</i>
Jadi dicampur dengan syair [°] <i>Ashiqīn</i>	—	480 <i>bayt</i>
dan syair Burung	—	561 <i>bayt</i>
		<hr/>
Jumlah		1,543 <i>bayt</i>
		<hr/>

Jadi keseluruhan puisi-puisi yang diketahui dihasilkan oleh Tuk Imam Shihabuddin bin Zainal Abidin di bawah 5 judul ialah 1,543 *bayt*. Suatu jumlah yang besar. Syair-syair ini setakat ini belum pernah diterbitkan.

CIRI-CIRI SYAIR TUK SHIHABUDDIN

Tuk Shihabuddin memilih bentuk puisi (syair) di dalam memperturunkan idea dan persoalan yang hendak disampaikan, kerana memangnya syair merupakan bentuk puisi paling terkenal di dalam bahasa Melayu. Lagi pula persoalan yang hendak disampaikan ialah persoalan keagamaan, oleh kerana bentuk syair ialah bentuk puisi yang diterima menerusi tradisi Islam dan dalam tradisi keislaman syairlah menjadi puisi utama dipilih untuk diperturunkan konsepsi-konsepsi keilmuan dan pendidikan secara rumusan, sebagaimana telah disentuh, maka pemilihan ini adalah merupakan penerusan dari tradisi tersebut.

Penulisan syair yang dicipta oleh Tuk Shihabuddin mencerminkan bahawa Tuk Shihabuddin seorang yang amat memahami kaedah penulisan syair, tidak sekadar meraikan rima akhirnya secara AAAA dan sukukata bagi setiap stanza (*Misra'*) yang antara 8 hingga 13 sukukata atau selebih-lebihnya 14, tapi kalau diteliti kesemua syair-syairnya diubah bagi setiap dua *bayt* kepada rima akhir yang berlainan AAAA, BBBB, CCCC dan seterusnya. Ia seolah-olah sebagai bentuk rubai Hamzah Fansuri yang berbentuk AAAA, BBBB, CCCC dan seterusnya (Syed Naguib, 1968: 21-24). Contoh dipetik beberapa *bayt* dari syair [°]*Ashiqīn*.

Ilmu [°]*maʿrifah* wajib pertama
 Iman dan Islam keduanya sama
 Mentauhidkan *dhāt*, sifat dan *asmā'*
 Keempatnya itu bernama agama

Ilmu [°]*maʿrifah* hendaklah nyata
Taglīd di sini menjadi lata
 Dalilnya zahir kepada mata
[°]*Ulwī* dan *suplī* alam semata

Segala rasul menyampaikan firman
 Kepada mukallaf, jin dan insan
 Hukum *shara*^c itulah jalan
 Sampai kepada *shaub* dan *ṣibyān*.

(hal. 1)

dan contoh yang dapat dilihat dari Syair Burung seperti berikut:—

Syair ini dengarkan olehmu
 Ibarat orang mencari ilmu
 Di dalam kitab banyak yang jemu
 Dibuat syair supaya bertemu
 Kebanyakan orang yang muda-muda
 Kepada belajar banyak tiada
 Ilmu sepatah tiada di dada
 Mabuklah dengan gurau dan senda
 Jikalau demikian laku pekerti
 Disuratkan syair supaya diingati
 Hendaklah sungguh kepada hati
 Daripada hidup sampai ke mati

(hal. 1-2)

Seterusnya contoh dari Syair *Uṣūl*

بِسْمِ اللّٰهِ itu pertama bacaan
 اَعُوذُ بِاللّٰهِ menjauhkan syaitan
 الْحَمْدُ لِلّٰهِ permulaan Qur'ān
 Salawat dan salam *Habīb al-Insān*

Amma ba^c*du* kemudiannya
 Suatu risalah usul namanya
 Wajiblah kita mengetahuinya
 Hilanglah kufur mu'min jadinya
 Pertama *ma*^c*rifah* mengenal Tuhan
 Barang yang wajib kita wajibkan
 Mustahil atasnya kita nafikan
 Barang yang harus kita haruskan

(hal. 1)

Contoh lagi dari syair *Ghāfilah* :

بِسْمِ اللّٰهِ itu permulaan
 الْحَمْدُ لِلّٰهِ puji sekalian
 Salawat dan salam rahmat dan aman
 Keempatnya ini awal perkataan

Suatu *mubdhah* ayuhai ikhwan
 Kepada *ni^cmah* dijadikan
 Tatkala *nutfah* di dalam ketetapan
 Adalah kita menaruh ingatan
 Istimewa pula zaman berjanji
الست بريك firman Ilahi
 Kepada ruh *khitāb rabbānī*
 Jawabnya *balā* Mu'min dan *‘asī*

(hal. 1)

Dan contoh yang terakhir dari Syair sifat 20 seperti berikut :

الحمد لله puji yang mulia
 Salawatkan Nabi Muhammad Sayyīd al-anbiyā'
 Memberi syafaat akan umatnya
 Di padang mahsyar tempat berkira
 Jika faham dua puluh sifat
 Itulah pohon bernama *ma^crifah*
 Baharu alam nyata dilihat
 Sekeliannya itu bekas *qudrah*
 Erti *ma^crifah* pengetahuan yang putus
 Daripada mata terlebih halus
 Memandang alam hendaklah terus
 Failnya nyata tiadalah halus

(hal. 1)

Dari karangan-karangan syair Tuk Shihabuddin dapat di tanggapai bahawa beliau adalah seorang yang amat mendalam di dalam bidang Usuluddin, Fiqh dan Tasawwuf Sunnī, kerana ketiga-tiga persoalan inilah yang banyak teradun di dalam syair-syairnya. Di samping terselit potongan ayat Qur'an dan Ḥadīth yang menunjukkan kefahaman beliau di dalam bidang berkenaan. Suatu yang jelas Tuk Shihabuddin banyak sekali menyelitkan istilah-istilah bahasa Arab dari bidang-bidang usul, fiqh, Tasawwuf dan kata-kata bahasa Arab umum yang mencerminkan bahawa beliau amat faham bahasa Arab baik dari segi nahu dan sarafnya. Beberapa judul syair Tuk Shihabuddin, menampakkan beberapa pengaruh dari syair-syair yang masyhur yang telah sedia wujud. Judul-judul dimaksudkan khususnya Syair *‘Ashiqīn* dan Syair Burung. Syair *‘Ashiqīn* mengingatkan kita kepada karangan Hamzah Fansuri yang berjudul *Sharāb al-‘Ashiqīn* yang bererti minuman orang yang asyik – di dalam syair *‘Ashiqīn* ini terdapat juga kata minuman.

Kemudian itu ayuhai ikhwan
 Syair asyik suatu minuman
 Di dalamnya banyak rempah ratusan
Ni^cmah-nya lempah sekalian badan.

(hal. 1)

Hal sedemikianlah juga dengan judul Syair Burung mengingatkan kita kepada Syair Burung Pingai yang juga menjadi salah sebuah syair Hamzah Fansuri, lebih dari itu Burung ini juga mengingatkan kita kepada penyair terbesar Islam iaitu Farid al-Din al-Attar yang memilih tajuk puisinya yang agung dengan judul 'Burung' iaitu *Mantiq al-Ṭayr* yang bererti percakapan Burung. Sesungguhnya dari kandungan syair Burung lebih dekat kepada tajuk Percakapan Burung, kerana di dalam syair Burung persoalan dan pengajaran yang disampaikan melalui dialog antara berbagai-bagai burung. Walau bagaimanapun wujudnya unsur-unsur kesamaan hanya setakat luaran semata-mata, jelasnya kesamaan dari segi tajuk semata-mata, tidak dari segi kandungan. Tajuk *Sharāb al-ʿAshiqīn* karangan Hamzah Fansuri adalah di dalam bentuk *nathar* bukannya puisi dan Syair Burung Pingainya dan karangan *nathar* ini membawa aliran Wujuddiyah sedangkan Syair *ʿAshiqīn* Tuk Shihabuddin dan Syair Burungnya menurut aliran sunnah. Untuk dibandingkan dengan *Mantiq al-Ṭayr* karangan Farīd al-Dīn al-ʿAttār, suatu yang jauh agungnya karangan Farīd al-Dīn. Tuk Shihabuddin memilih tajuk ini amat berunsur tempatan baik dari segi jenis nama-nama burungnya mahupun dari segi permasalahan yang diutarakan. Pokoknya persamaan hanya secara kebetulan atau memang diketahui, tetapi adalah bersifat luaran.

Dilihat di dalam syair-syair Tuk Shihabuddin ianya amat kaya dengan pengajaran, pemikiran dan falsalah. Sungguhpun syair-syairnya lebat dan berat dengan perutusan namun begitu ianya tidaklah mengurangkan dari segi estetikanya sebaliknya mempertingkatkan mutu syair-syair. Ciri-ciri inilah sebenarnya lebih jelas di dalam puisi-puisi keislaman sebagaimana yang telah disentuh sebelumnya. Seni yang pada asalnya lebih bersifat menghibur — termasuk seni sasteranya, diangkat dan digandingkan dengan unsur yang paling mulia — ilmu, lantas kedua-duanya berpadu — antara kebenaran dan keindahan merealisasikan hakikat alam yang mencerminkan keagungan Tuhan.

KANDUNGAN SYAIR-SYAIR TUK SHIHABUDDIN

Pada pokoknya syair-syair Tuk Shihabuddin bersifat pendidikan yang menekankan pentingnya dipelajari asas-asas keagamaan untuk menjamin kebenaran pegangan baik dari segi aqidah, Fiqah, tasawwuf dan ilmu-ilmu yang berhubung dengannya. Ia memandang semuanya itu sebagai asas pendidikan yang intergral dalam membentuk seorang muslim yang baik. Namun begitu setiap syairnya menekankan jurusan tertentu:

SYAIR-ʿASHIQĪN

Di dalam Syair *ʿAshiqīn* Tuk Shihabuddin membicarakan konsep 'agama' — *al-Dīn* — yang dimaksudkan kepada keseluruhan cara hidup itu baginya adalah terdiri dari empat perkara iaitu: *maʿrifah*, iman, Islam dan tauhidkan Allah dari segi *dhāt*, *ṣifat* dan *asmāʾ-nya*. *Maʿrifah* — mengenal Allah — sebagai kewajipan terawal bagi seseorang Islam. Ianya tidaklah memadai dengan hanya bertaklid, tetapi haruslah melalui pengajian — ilmu sehingga mengenali dan memahami dalil-dalilnya secara

nyata. Segala suruhan dan larangan syarak hendaklah dipatuhi, Ilmu hendaklah dituntuti dan harta harus dicari. Akan tetapi jalan ruhani paling murni:

Syariat itu pekerjaan Islam
 Tariqat itu yakin dan jazam
 Hakikat itu sekaliannya *kirām*
 Hanyalah Allah bersifat *Qidam*
 Adapun jalan ahl al-Ṭarīqah
 Mengikut Nabi *taqrīb* dan taubat
 Adapun jalan ahl al-Sharīḥah
 Mengikut Nabi sekalian ibadat
 Adapun jalan ahl al-Ḥaḳīqat
 Mengikut Nabi *tawāḍuʿ* dan *ḥasanah*
 Di dalam hatinya hanya Ahad
 Sekaliannya *fanāʾ* daripada *kāʾināt*

(hal. 3)

Kemudian dibicarakan mengenai kepercayaan kepada Rasul dan menganjurkan kepada keinsafan sebelum tibanya ajal dan menyedari keistimewaan kita sebagai insan pilihan Allah, sebab itu haruslah direalisasikan kesempurnaan itu ke dalam kehidupan diri supaya kelak tidak terjerumus di dalam neraka. Mertabat insan yang mempunyai peribadi tinggi digalurkan dari Nabi, sahabat-sahabat, tokoh-tokoh ahl al-Sunnah dan imam-imam terkenal. Dianjurkan supaya berakhlak dan melawan nafsu syaitan dan iblis untuk menuju jalan akhirat. Digambarkan betapa siksanya perjalanan di Mahsyar bagi yang derhaka, sebab itu ikutilah jalan yang betul. Belajarlah dengan guru-guru yang betul menurut sunnah.

Bagi pengarangnya, konsep *ṣūfī*nya adalah adunan dari syariat, usul dan tasauf.

Ilmu *maʿrifah* umpama *shajarah*
 Amal ibadat seumpama buah
 Ikhlas dan Ihsan seumpama tanah
 Ketiganya itu dimithalkan *jawzah*

Ilmu *maʿrifah ḥaq al-Yaqīn*
 Ilmu ibadat *ʿilm al-yaqīn*
 Ikhlas dan ihsan *ʿayn al-Yaqīn*
 Inilah maqam segala *ʿarifīn*

Ḥaq al-yaqīn nama haqiqat
ʿilm al-yaqīn nama syariat
ʿayn al-yaqīn nama tariqat
 Ketiganya itu nama ibadat

Haqiqat itu dua puluh sifat
 Syariat itu fardu dan sunat
 Tariqat itu takut dan dahsyat
 Ketiganya itu pahla akhirat

(hal. 15-16)

lantas dianjurkan mengikut jalan nabi dan *ṣāliḥīn* supaya termasuk golongan yang diredai. Pada akhir syairnya terutama dari halaman 19-30 persoalannya semacam tidak tersusun, melompat-lompat kepada persoalan-persoalan yang tidak bersinambungan. Pada akhir syair ini terdapat beberapa maklumat latar pengarangnya.

SYAIR BURUNG

Syair ini disampaikan secara bentuk dialog antara burung-burung sebagai sindiran kepada manusia. Burung-burung yang disebut mewataki dialog tersebut ialah burung nuri, cenderawasih, dewata, jentayu, merpati, paksi, murai, beladau, tekukur, ketitir, tiong, cakmar, rawa, belatuk, punai, pargah, gagak, helang, raja wali, jelatik, perling, layang-layang, kedidi, kembang, merpati, pipit, serindik, pekaka, gantung, bayan, merak, merbuk dan burung raya.

Syair ini disampaikan dengan dua cara. Cara pertama dengan setiap jenis burung bercakap melahirkan kekesalan diri yang kekurangan dengan ilmu pengetahuan dan menunjukkan keinginan yang kuat untuk belajar. Ini dilahirkan secara bergilir-gilir seekor demi seekor. Cara kedua pada bahagian kedua ialah dengan cara bersoal jawab yang mana peranan menyoal diambil oleh beberapa ekor burung sahaja, antaranya yang paling utama memegang peranan menyoal ialah burung nuri dan murai, sedangkan soalan-soalan pula ditujukan kepada sebahagian besar dari burung-burung yang disebutkan di atas. Soal jawab berkisar pada perkara-perkara yang berhubung dengan aqidah, syariat dan tasauf.

Dialog antara burung-burung ini sudah tentulah sebagai kias ibarat dan sindiran terhadap — terutamanya anak-anak dan muda mudi yang tak mau belajar, agar dengan secara halus merasa insaf menyedari kepentingan ilmu pengetahuan dan terbuka hati hendak belajar. Sebagai contohnya dipetik sebahagian dari kata-kata burung-burung dari bahagian pertama yang juga terpancar maksud tujuan syair ini dikarang:

Syair ini dengarkan olehmu
 Ibarat orang mencari ilmu
 Di dalam kitab banyak yang jemu
 Dibuatkan syair supaya bertemu
 Kebanyakan orang yang muda-muda
 Kepada belajar banyak tiada
 Ilmu sepatih tiada di dada
 Mabuklah dengan gurau dan senda
 Jikalau demikian laku pekerti
 Disuratkan syair supaya diingati
 Hendaklah sungguh kepada hati
 Daripada hidup sampai ke mati

Ada konon suatu cerita
 Sekalian unggas berkata-kata
 Entah benar entah dusta
 Tetapi ibarat kepada kita

(hal. 1-2)

sebagai disebut burung nurilah yang memainkan peranan yang penting di dalam bercakap dan bersoal jawab dan ialah memulakan persoalan:

Dengarlah tuan suatu cetera
 Sekalian unggas di udara
 Ia bersoal sama setara
 Memahamkan ilmu jangan cedera
 Awal berkata siburung nuri
 Ialah unggas yang bijak bistari
 Ia berkata sama sendiri
 Marilah kita berperi-peri
 Kalau demikian laku perbuatan
 Baiklah kita beringat-ingatan
 Supaya ilmu kita kelihatan
 Janganlah hidup seperti syaitan

(hal. 2)

Apa yang dilahirkan oleh burung nuri ini kemudian disahut dan disokong oleh burung-burung yang lain, masing-masing melahirkan pendapat lepas seekor demi seekor.

Disahut oleh cenderawasih
 Benarlah sungguh kata kekasih
 Serta dengan suara yang persih
 Bermadah dengan lidah yang fasih
 Baiklah kita nyatakan maknanya
 Kepada unggas sekaliannya
 Barang siapa ada ilmunya
 Masakan tidak ada jawabnya
 Mana yang tidak ada ilmu
 Baik belajar sekalian kamu
 Janganlah duduk dengan bertemu
 Akhir kelak jadi sesal mu
 Disahut oleh burung dewata
 Benar sungguh kekanda berkata
 Baiklah mengaji sekalian kita
 Janganlah mabuk dengan harta

Baiklah juga kamu berguru
 Janganlah duduk harubiru
 Ke sana ke sini huru haru
 Mencari makan pajut dan caru

Apakala lalai tiada difahamkan
 Entah Islam entahkan bukan
 Lekalah dengan mencari makan
 Fatwa guru tidak diingatkan

Apakala lalai mencari makan
 Gila dengan beras dan ikan
 Ilmu sepatah tiada difahamkan
 Entah Islam entah pun bukan

Kita ini sangatlah lalai
 Mabuk dengan beras dan gulai
 Amal dan nahi dihalai balai
 Di dalam neraka badan tersalai

(hal. 2)

Demikian apa yang ditimbulkan disambut dan diolah seterusnya oleh seekor demi seekor burung yang lain. Temanya berkisar pada keinsafan diri dari kekurangan ilmu pengetahuan dan menggesa mencari dan mempelajarinya dari guru-guru dan alim *'ulamā'*. Dengan demikian amalan dilakukan menurut jalan yang betul dan tidak menyeleweng.

Agak menarik, oleh kerana setiap burung merasa kekurangan dengan diri masing-masing dan ilmu yang diketahui tidak sekadar mana, itupun belum diketahui betul salahnya masing-masing bersetuju untuk bersoal jawab antara mereka untuk memastikan apa yang diketahui dan dipegangi selama ini betul dan tidak menyeleweng. Secara tidak langsung ianya juga sebagai muzakarah dan pembelajaran yang dapat menambahkan keilmuan masing-masing. Contoh:

Ilmu jangan kita tinggalkan
 Serta ilmu kita pahami
 Sama sendiri soaljawabkan
 supaya tentu ia dan bukan

Unggas nuri mula pertama
 Bertanya kepada yang ada sama
 Manatah dia bernama agama
 Jawablah dia janganlah lama

Cenderawasih unggas bistari
 Ia menoleh kanan dan kiri
 Jikalau izin hamba diberi
 Dijawab juga sebarang peri

Disahut oleh unggas udara
 Katanya jawab oleh saudara
 Jikalau faham sudah mesra
 Berilah jawab dengan segera
 Cenderawasih berkata *inshā' Allah*
 Soal ini hamba jawablah
 Awwaluddin *ma^crifat* Allah
 Pertama ugama mengenal Allah
 Unggas nuri pula berkata
 Apakah asal *ma^crifah* kita
 Berilah tahu supaya nyata
 Kata ini dijawab serta
 Asal mengenal dirinya tentu
 Bedakan hakikat salah suatu
 Dengan hakikat Tuhanmu itu
 Janganlah dia diberi sekutu
 Keduanya hendak dibedakan
 Tuhan dan hamba jangan disekutukan
 Hakikat Tuhan yang menjadikan
 Hakikat hamba yang dijadikan

(hal. 9-10)

Seterusnya soalan-soalan dikemukakan dan dijawab oleh berbagai burung mengenai agama yang maksudnya terdiri dari iman, Islam, tauhid dan *ma^crifat*, seterusnya disoalkan erti tiap bahagian yang empat. Demikianlah disoal rukun iman, rukun Islam. Kemudian secara lebih detail disoal bahagian – daripada rukun iman itu – khususnya mengenai syahadah. Seterusnya berhubung dengan fiqh mengenai *istinjā'*, *janabah*, air sembahyang, *hadath* besar dan kecil, rukun sembahyang, perkara yang membatalkan sembahyang. Akhirnya ditutup dengan seruan mematuhi perintah Allah dan menjauhi segala larangannya dan mencari ilmu supaya tidak menghadapi seksa kubur dan neraka. Persoalan mengenai rukun iman dan rukun Islam nampaknya tergantung. Yang disentuh hanya satu dua dari setiap rukun.

Kalau kita teliti syair ini kaya dengan unsur-unsur pendidikan yang ditujukan khususnya kepada anak-anak dan muda mudi supaya gemar mencari ilmu khususnya mengenai hukum hakam yang fardu bagi setiap orang-orang Islam.

SYAIR USŪL

Syair usul adalah syair yang membicarakan persoalan usuluddin daripada rukun akal mengenai wajib mustahil dan harus bagi Allah. Kepercayaan kepada rukun-rukun iman dan rukun-rukun Islam sifat-sifat yang wajib kepada Allah, mustahil, pembahagian sifat 20, harus bagi Allah wajib bagi Rasul, mustahil dan harus baginya.

Perkataan ini hendaklah ingat
 Iman Islam tauhid *ma^crifah*
 Himpun berhimpun pada yang empat
 KepadaNya dua kalimah syahadat
 Erti iman percayakan Allah
 Kepada EsaNya jangan tersalah
 Erti Islam menjunjung titah
 KeesaanNya jangan diberi berubah
 Erti tauhid mengesakan Tuhan
 KeesaanNya jua diesakan
 Erti *ma^crifah* mengenal Tuhan
 Kepada esaNya hendak diputuskan
 Erti *ma^crifah* terlalu am
 Ketiadaan dia sekaliannya padam
Ma^crifah Allah hendaklah faham
Ma^crifah iman *ma^crifah* Islam
 Iman dan Islam beberapa rukun
 Bercawang-cawang bersusun-susun
 Beberapa jenis asal dan pohon
 Kepada syahadat habis terhimpun
 Pertama syahadah rukun Islam
 Kedua sembahyang serta Ihram
 Puasa dan zakat jangan waham
 Kelima haji ke Bayt Allah al-Ḥarām
 Adapun iman segala rukunnya
 Percaya akan Allah serta kitabNya
 Akan malaikat benar adanya
 Kemudian pula segala rasulNya
 Hari yang kedua hari kiamat
 Masa berhimpun terlalu dahsyat
 Wajib percaya berbuat taat
 Serta untung baik dan jahat.

(hal. 3-4)

Selain dari persoalan-persoalan yang berhubung dengan theologi, terdapat juga persoalan-persoalan yang berhubung dengan tasauf yang menyentuh konsep *maqām ma^crifah*, *fanā'*, *maqām ^carīfīn*, *maqām qāb qawsayn*, *zāhid*, *muttaqī*, *ṣabr*, *shukr*, *tawakkul*, *riḍā* dan sebagainya.

SYAIR GHĀFILAH

Tema syair ini umumnya berpokok pada soal theologi — dengan bertolak dari pohon agama, iaitu iman, Islam, tauhid dan *ma^crifah*. Menurut pengarangnya pohon

ibadat pula adalah dua, iaitu *iqrār* dan *taṣḍīq* yang bertunjangkan dua kalimah syahadat.

Kemudian diterangkan erti syahadat yang dikaitkan dengan rukun iman yang enam dan diikuti dengan rukun Islam yang lima. Konsep *dhāt*, sifat, *af'āl*, jirim dan jisim yang dikaitkan dengan dalil-dalil wujudnya Tuhan. Penulisnya menekankan jalan *i'tiqād* yang murni supaya tidak tergelincir menjadi *zindīq* atau termasuk di bawah faham Qadariyyah, Jabariyyah dan Mu^ctazilah.

Apa yang menarik, seterusnya tema syair *ghāfilah* yang bererti syair "Orang Lalai" adalah berhubungan dengan tema Syair Burung yang menggesa setiap orang supaya jangan lalai dari mempelajari ilmu pengetahuan. Ini disulamkan di dalam pembicaraan dengan soal-soal fardu sembahyang – dan cara-cara mendidik anak mendekati perintah Tuhan.

Sesuatu yang istimewa, di dalam risalah ini banyak sekali terdapat maklumat-maklumat latar tokoh-tokoh tertentu. Di dalam membicarakan pengajaran-pengajaran yang menyeleweng tokoh-tokoh ini disinggung oleh pengarang dan pengajaran mereka dikritiknya.

Sebagaimana di dalam syair-syair lain, syair ini juga disulami dengan pandangan-pandangan yang bersifat mistik, contoh:

Ma^crifah iman benih yang teguh
 Ditanam dunia di akhirat tumbuh
 Tatkala mati jikalau lesuh
 Kemudian lepas susah dan gaduh
^c*Ilm al-yaqīn* jalan syariat
^c*Ayn al-yaqīn* jalan *tariqah*
Haq al-yaqīn jalan haqiqah
 Ketiga ini daripada *ma^crifah*
 Syariat itu amal dan usaha
Tariqah itu tawakkal dan rela
Haqiqah itu *Haq Ta^cālā*
 Tiada di mana tiada betapa
 Syariat itu *khawās* dan ^c*awwām*
 Nabi dan rasul sehingga adam
Tariqah itu umpama kolam
Haqiqah itu laut yang dalam
 Syariat itu tempurung yang keras
Tariqah itu nyiur diramas
Haqiqah itu minyak terkeatas
 Hening dan jernih tiada berhampas

(hal. 4-5)

SYAIR SIFAT 20

Syair ini adalah syair yang terpendek sekali, sebagaimana judulnya ia membicarakan tentang sifat 20 — tidak disebutkan satu persatu. Ia dianggap sebagai pohon pertama *ma^crifah*. Ia menyentuh tentang *Quadrat* yang dalilnya ialah alam ini sendiri yang diwujudkan dari tiada kepada ada. Begitu juga dalil dapat difahami dari bukti pada kejadian diri sendiri. Diakhirinya syair tersebut dengan pembahagian sifat 20 itu kepada:

Pertama wujud sifat *Nafsiyyah*
Qidam Baqā' Mukhālafah
Qiyāmuhu binafsih Waḥdāniyyah
 Sekaliannya itu sifat *Silbiyyah*

Hayāh dan *°Ilm* serta *Iradah*
Sam^c Baṣar keenamnya *Qudrah*

Ketujuh Kalam bilangan sifat
 Sekalian berdiri pada *dhāt*

Hayyun °Ālimun ism al-dhāt
Qādirun Murīdun jumlahnya empat
Sam^c Baṣar daripada *kamālāt*
 Ketujuh *Mutakallimun bibā'i al-niyyat*

(hal. 2)

PENILAIAN

Dari keterangan dan ulasan-ulasan yang dibuat terhadap karya-karya Tuk Shihabuddin menunjukkan, tujuan karangan-karangannya dihasilkan adalah untuk mendidik anak-anak, muda-mudi dan kalangan awam mempelajari hukum hakam keislaman. Pengajarannya pula adalah lebih berorientasikan aqidah usuluddin aliran Ash^cari (aliran sunni). Ini ialah kerana aqidah merupakan teras keislaman seseorang, tanpa memegang aqidah yang betul, akan sia-sialah keislaman seseorang. Namun begitu di dalam penyampaiannya diselitkan di sana sini dengan pengajaran-pengajaran syariat, terutama soal-soal asas di dalam rukun Islam yang lima. Di samping itu diselit di sana sini dengan pandangan-pandangan yang bersifat mistik. Ini sekaligus mencerminkan bahawa Tuk Shihabuddin seorang yang mendalami di dalam bidang-bidang ilmu tiga serangkai Islam iaitu, Usuluddin, Fiqh dan tasawwuf. Ia memilih bidang syair sebagaimana yang disebut-sebut di dalam syair-syairnya ialah untuk menarik minat pelajar-pelajar, terutama kalangan muda-mudinya kepada mempelajarinya di samping tertarik kepada daya seninya, kerana kalau disogokkan secara karangan kitab secara prosa (*nathar*), akan membosankan mereka itu. Lagi pula melalui syair isi-isi pengajaran yang mahu disampaikan mudah diingat (dihafal).

Suatu yang agak menarik di dalam syair-syairnya beliau menyerang pengajaran-pengajaran yang dianggap menyeleweng yang berkembang pada masanya. Penyelewengan ini antaranya adalah bertalian dengan pengaruh pengajaran Wujūdiyyah

yang telah lama meresap di Pahang sebagaimana yang telah disentuh pada permulaan makalah ini. Di dalam karangannya antaranya disebut pengajar dan pengikut-pengikut yang dianggap menyeleweng. Di dalam syair ^c*Āshiqīn* disebutnya ada yang menigkut ajaran bahawa syurga dan neraka di dalam dirinya yang mana gurunya disebut sebagai Maulana Sufi (palsu) Che' Lanya. Setengahnya menganggap untuk masuk syurga adalah terlalu mudah (hal. 13) sebab itu kata Tuk Shihabuddin:

Hai segala handai dan sahabat
 Ilmu ini jikalau didapat
 Hendaklah segera buangkan bangat
 Dengan menyesal serta bertaubat

(hal. 13)

Katanya lagi:

Pekerjaan janganlah beri larat
 Penuhi hati dengan ibadat
 Berbuat amal biarlah jimat
 Menuntut ilmu hendaklah cermat

(hal. 14)

Suatu bukti yang jelas yang menunjukkan wujudnya pengaruh pengajaran Wujūdiyyah dari Aceh, ialah terdapatnya serangan Tuk Shihabuddin terhadap pegangan dari ajaran Wujūdiyyah berkenaan martabat tujuh. Di dalam syair ^c*Āshiqīn* terdapat:

Martabat tujuh suatu andalan (andaian)
 Nabi dan wali empunya pakaian
 Di dalam hati tampuk tampan
 Tiada tahu pengajaran syaitan
 Duduk berfikir kepalanya tunduk
 Selaku-laku *ahl al-dhunūq (al-dhawaq?)*
 Mengingkatkan kata asyik dan ma shuq
Waḥda (h) dan *kathrah jama^c* dan *furūq*
 Dipandang zahir nyata terbetak
 Salawat dan tasbih ada di bawah
 Sungguhpun diam jangan terkelak
 Di dalamnya haram suatupun tidak
 Inilah asal ^{i^c}*tiqād zindūq*
 Lafaznya syubhat berbalik-balik
 Samar di dalam ^c*ilm al-ḥaqā'iq*
Maqām al-khawās m-kh-dh-i-r dan *sālik*

(hal. 25)

Katanya lagi:

Martabat tujuh terlalu masyhur
 Racun yang terbang di negeri Timur
 Lihat di hati sedikit tak kendur
 Seumpama riwayat orang berekor

(hal. 25)

Kalau kita kaji, persoalan martabat tujuh yang termasuk di bawah konsep *a^cyān thābitah*, adalah persoalan yang penting di dalam aliran tersebut, sebahagian dari puisi-puisi Hamzah Fansuri memperkatakan persoalan ini (Naguib: 1970: 490-504). Pandangan-pandangan yang lain di dalam aliran Wujūdīyyah merupakan olahan dan lanjutan dari konsep *a^cyān thābitah* ini. Konsep *a^cyān thābitah* ini dari segi sejarah falsafahnya adalah bertalian dengan konsep idea Plato dan diolah lanjut oleh Platonis Baru di Iskandariyyah, kemudian meresap ke dalam Falsafah Islam menerusi tokoh-tokoh seperti al-Farābī. (Oemar Amin, 1975: 96, 100) Ibn Sina (Ibid., hal. 124, 133) dan Ibn Rushd (Ibid. : 146) dan lain-lain. Pengaruh ini diolah di dalam pendekatan mistik Ibn ^cArabī dan al-Jīlī kemudian tiba ke alam Melayu seperti yang dikembangkan oleh Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatrani. Konsep-konsep mengenainya terdapat juga di dalam kitab *al-Dur al-Nafīs* oleh Syeikh Muhammad Nafīs al-Banjari dan juga di dalam karangan *al-Manhal al-Safī* yang tidak dipastikan pengarangnya.

Di dalam sejarah pertentangan antara aliran Wujūdīyyah Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatrani serta pengikut-pengikutnya dan Nuruddin al-Rānīri dan pengikut-pengikutnya pemikiran-pemikiran sedemikian dan pecahan-pecahannyalah yang diserang oleh Shaykh Nuruddin. Contohnya seperti perbandingan hakikat Allah dan alam seperti laut dan ombak, matahari dengan cahaya, biji benih dengan pohon, air dan tumbuh-tumbuhan dan lain-lain sebagai olahan terhadap konsep *a^cyān thābitah* (Al-Attas, 1970: lampiran).

Pemikiran yang seumpama ini nampaknya berkembang di Pahang. Tuk Shihabuddin seorang yang berpegang pada ajaran *sunnah* melihat ajaran ini sebagai menyeleweng. Contoh ini umpamanya terdapat di dalam beberapa risalah yang ditemui di Temerloh. Umpamanya di dalam risalah mengenai *ma^crifah*. Maka ketahuilah olehmu bahawasanya nyawa itulah bayang-bayang *a^cyān thābitah* dan *a^cyān thābitah* bayang-bayang sifatnya dan sifatnya itu bayang-bayang dilihatnya yang Maha Mulianya dan iaitulah yang menjadikan sekalian alam.

Manakala di dalam risalah mengenai tauhid dan *ma^crifah* diterangkan nama-nama yang dinisbahkan kepada *a^cyān thābitah* seperti yang hakikatnya tiada beda di antara satu sama lain yang diibaratkan air dan ombak. Tuk Shihabuddin merasa bertanggungjawab menegur pegangan sedemikian supaya pegangan pengikut-pengikutnya dapat diperbetulkan. Ini termasuklah Datuk Mengkarak dan pengikut-pengikutnya. Di dalam syair *Ghāfilah* Tuk Shihabuddin menyebut antara pengikut-pengikut ajaran sedemikian:

Ingat-ingat kita di sini
 Hendakan laba menjadi rugi
Bida^cah dan karut memenuhi bumi
 Kepala yang zahir Maulana Sufi
 Lainnya itu terbanyak sangat
 Malas mengata jadi mengumpat
 Terkenang kaum banyak yang sesat
 Berkata pun tegah di dalam berhemat
 Muhammad Arif mengatakan pulak
 Akan Cik Wok dua beranak
 Mentua dan Bani Haji Ishak
 Khatib Junayd bersama pulak
 Lainnya itu berapa banyak
 Daerah Temerloh serta Mengkarak
 Setengahnya yakin setengahnya tidak
 Setengahnya benci dikatakan lawak
 Nakhuda Abdullah di Sungai Mak Dulang
 Mengajarkan ilmu daripada Tuk Merang
 Jabari dan Qadari *muqāranah* sembahyang
 Memutuskan kata tali dipinggang
 Demikian lagi Sikaya Seman
 Melenggok zikir kiri dan kanan
 Sampai kepada Duli Yang Dipertuan
 Ajat atar melengakan

(hal. 6-7)

Dikatakan pada akhir hayatnya Datuk Mengkarak telah bertaubat dengan meninggalkan ajaran sesat dan kembali kepada ajaran yang sebenarnya. Namun begitu karangan-karangannya tidak dihapuskan untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa kandungan pengajaran sedemikian adalah menyeleweng dan hendaklah dijauhi. Malangnya ada jua yang terus mengikuti ajaran tersebut secara bersembunyi-sembunyi.

Sebenarnya pengajaran ini tidak terhad di Temerloh sahaja dan bukannya melalui pengajaran Tuk Mengkarak seorang, tetapi dari pengajaran yang lain sehingga ajaran ini agak meluas hingga ke Pekan. Ciri-cirinya amat jelas dari pengaruh wahdat al-wujud. Di dalam syair *Ghāfilah* ini tercatat:

Cetera ini dipendekkan
 Masyhur di Pahang Imam Dabiyān
 Ialah jadi Naib Sultan
 Pulang padanya perintah sekalian

Kemudiannya itu Imam Nur Qadim
 Anak yang tuha lagipun *ḥalīm*
 Mertabatnya besar terlalu *raḥīm*
 Seisi Pahang tawakkal dan *ṣalīm*
 Jalan agama tatkala itu
 Sebarang jenis sekaliannya laku
 Berbuat ibadat sebarang nafsu
 Tukang tidak membuang kayu
 Berapa banyak yang handalan
 Dari Jali sampai ke Pekan
 Kampung Mengkasar bergelar Tuk Uban
 Di rantau Temerloh berbilang pegangan
 Kepala ilmu mengenal diri
 Dimithalkan tanah buyung dan kendi
 Sekalian *°alam wujūd majāzī*
 Hanyalah Allah yang *Haqīqī*
 Berbagai jenis kias dan mithal
 Siapa yang menang itulah handai
°Ālam rūḥ °alam mithāl
°Ālam ajsām insān kāmīl
°Ālam lāḥūt alam Jabarūt
°Ālam nasūt °alam malakūt
A°yan thabitah dimithalkan ombak
 Putus *ma°rifah* disanalah hanyut
Muhdath dan *Qadīm* di sanalah terhimpun
 Umpama laut ombak mengalun
 Dimithalkan benih dengan pohon
 Benihkah dahulu atau pohon
 Inilah asal *i°tiqād zindīq*
 Menghaluskan kata *jamā°* dan *tafrīq*
Uṣūl furū° makhliūq dan *khāliq*
 Sehabis kata karam terbalik

(hal. 10-11)

Tuk Shihabuddin menganggap ajaran ini merupakan salah satu dari penyelewengan yang menurut Nabi Besar Muhammad akan berpecah kepada 72 pecahan yang kesemuanya, kecuali satu ke neraka kelak. Terjadinya sedemikian menurut Tuk Shihabuddin oleh kerana kejahilan masyarakat, belajar tanpa berguru dengan membaca kitab-kitab Syeikh zaman dahulu yang tidak diketahui sumbernya.

Tetapi *al-ḥamdulillah* menurut Tuk Shihabuddin — akhir-akhirnya, keadaan penyelewengan telah berkurangan, mungkin berkat dari usaha dan kegigihannya

menentang ajaran salah itu — sehingga pengajaran sedemikian sudahlah berkurangan sebagai disebutnya di dalam Syair *Ghāfilah*:

Akhir dunia zaman sekarang
 Orang yang itu sudahlah jarang
 Negeri yang besar lagi terbilang
 Istimewa pula negeri Pahang
 Kuat guru kitabnya *asah*
 Kuat kitab pula yang *asah*
 Kuat katanya pada istilah
 Sekaliannya itu jangan tersalah

(hal. 13)

Di dalam hal penyerangan terhadap ajaran menyeleweng ini, Tuk Shihabuddin yang berpegang teguh pada ajaran ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah — seolah-olah semacam Shakh Nūr al-Dīn al-Rānīrī yang menyerang aliran Wujūdīyah di Aceh (Al-Attas, 1966). Bahkan dapat dikatakan ajaran yang deserangnya itu adalah lanjutan dari pengaruh aliran Wujūdīyah di Aceh. Lebih jauh dari itu penentangan secara lebih besar sebenarnya pernah berlaku di Asia Barat pada zaman al-Imam al-Ghazālī.

PENUTUP

Dari pembicaraan di atas, memperlihatkan, identiti keislaman Pahang mempunyai pertalian pengaruh dengan Aceh. Tokoh Tuk Shihabuddin bin Zainal Abidin merupakan salah satu rantaian yang mempertalikan bukti tersebut. Maklumat mengenai tokoh ini sebenarnya adalah merupakan penemuan baru di dalam bidang pemikiran Melayu-Islam dan sasteranya, teristimewanya bagi negeri Pahang. Di dalam bidang pemikiran ia melanjutkan islah dari segi aqidah keislaman sebagaimana yang dilakukan oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī membawa kepada Tuan Guru Haji Hussain Nasir. Di dalam bidang kesusteraan ia dapat disejajarkan dengan tokoh-tokoh penyair Melayu Islam seperti Tuan Guru Haji Mustafa Linggi dan Tuk Ku Tuan Besar Syed Muhammad bin Zainal Abidin Terengganu.

Suatu hal yang tidak dapat dinafikan tokoh ini secara tidak langsung menanamkan ketahanan aqidah penganut-penganut Islam di Pahang yang membentuk jiwa kepahlawanan sebahagian dari putera-puteranya yang terkenal menentang penjajahan. Pengaruh ini pernah berlaku di Terengganu dengan berlakunya pemberontakan Terengganu yang digalurkan kepada pengajaran Tuk Ku Tuan Besar di atas dan anaknya Tuk Ku Tuan Paluh (Syed Abdul Rahman) dan juga Tuk Janggut dengan pemberontakan Kelantan. Dengan penemuan Tokoh ^c*Ulamā'* dan Sasterawan dari Pahang ini memperluaskan lagi horizon pemikiran Melayu-Islam dan sasterawanya.

RUJUKAN

- A. Hasjmy, 1976. *Rubā'ī Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- A.H. Edrus, 1961. *Persuratan Melayu II*, Singapura, Qalam.
- Al-Attas, 1966. Raniri And The Wujudiyah of 17th Century Aceh, *MBRAS*.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib, 1970. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Al-Attas, Syed Naguib, 1968. *The Origin of The Malaya Shair*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Buyung bin Adil, Haji, 1972. *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur: DBP.
- Coedes, G, 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Johns, A.H., 1957. Malay Sufism, *JMBRAS*, vol. xxx, part 2.
- Kāmil Muṣṭafā al-Shaybī, 1386/1966. *al-Fikr al-Shī'ī Wa al-Nazā'ah al-Sufīyah*, Bagdād: Maktabah an-Nahdah.
- Mohd. Mokhtar bin Shafi, 1980. Batu Nesan Kurun ke5H/10M Di Pekan Pahang, *Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd. Nor Ngah dan Ismail Hamid dalam 1979. *Islam Dan Kebudayaan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Oemar Amin Hoesin, 1975. *Filsafat Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Risalah-risalah Dari Pahang, Tanpa Tarikh. Dimiliki/Disalin oleh Tuan Haji Sulaiman Orang Pahang, Kg. Purong.
- Shafie Abu Bakar, Sesi 1976/1977. Institusi Shaykh Abd. al-Malik bin Abdullah (satu corak Pengajian Tradisi Di Terengganu) Dan Kitab-Kitab Padanya, Tesis Sarjana di IBKMM.
- Shafie Abu Bakar, Sept. 1977. "Tokoh-Tokoh Penulis Islam Nusantara," *Dewan Bahasa*, Jil. 21, Bil. 9.
- Shihabuddin bin Zainal Abidin. Syair *Āshiqīn*, Naskhah.
- Shihabuddin bin Zainal Abidin. Syair *Ghāfilah*, Naskhah.
- Shihabuddin bin Zainal Abidin. Syair Sifat 20 Naskhah.
- Shihabuddin bin Zainal Abidin. Syair Burung Naskhah.
- Shihabuddin bin Zainal Abidin. Syair Usul Naskhah.
- T. Iskandar, Oktober, 1964. "Nuruddin ar-Rānirī Pengarang Abad. 17," *Dewan Bahasa*, Jil. VIII, Bil. 10.
- Zainal Abidin bin Muhammad al-Patani, 1344 H. *Miftah al-Murīd fī'Ilm al-Tawhīd*, Pulau Pinang: Sulaiman Mar i.